



Jurnal Teknologi, 43(E) Dis. 2005: 63–86
© Universiti Teknologi Malaysia

PERSEPSI GURU DAN PELAJAR TERHADAP PERLAKUAN BULI DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DAERAH BATU PAHAT

AZIZI HJ YAHAYA¹ & ABDUL LATIF AHMAD²

Abstrak. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kekerapan dan jenis perlakuan buli serta program-program intervensi yang terdapat di sekolah menengah di daerah Batu Pahat. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar dan guru tentang perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah serta isu-isu keselamatan. Seramai 80 orang guru dan 480 orang pelajar dari lapan buah sekolah menengah daerah Batu Pahat yang dipilih secara rawak dilibatkan dalam kajian ini. Segala maklumat dikumpulkan melalui Instrumen Soal Selidik Hubungan Sebaya (Peer Relations Questionnaire – PRQ) dan Soal Selidik Sifat dan Kelaziman Perlakuan Buli di Sekolah. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan persepsi antara pelajar dan guru berkaitan kekerapan buli di kalangan pelajar sekolah menengah. Perlakuan buli secara verbal merupakan perlakuan buli yang paling kerap berlaku berbanding perlakuan buli secara fizikal. Guru dan pelajar juga sepakat bahawa mereka perlu disedarkan dan saling bekerjasama untuk mencegah dan menangani masalah perlakuan buli ini di sekolah. Tahap keinginan pelajar untuk membuli berada pada tahap yang rendah. Vandalsma atau merosakkan harta benda sekolah merupakan isu keselamatan yang dianggap pelajar sebagai paling serius di sekolah. Rakan merupakan orang yang paling kerap dirujuk oleh pelajar berbanding pihak lain berkaitan masalah buli di sekolah. Program intervensi mempunyai hubungan yang signifikan dengan kekerapan perlakuan buli pada tahap sederhana. Menurut persepsi guru, program intervensi berdasarkan sekolah terutama sekali peraturan sekolah dan lembaga disiplin sekolah merupakan program intervensi yang paling berkesan bagi mencegah dan menangani masalah perlakuan buli di sekolah menengah.

Kata kunci: Perlakuan buli, kekerapan, persepsi, intervensi, perlakuan buli verbal, perlakuan buli fizikal

Abstract. This study attempts to identify the prevalence and types of bullying and its intervening programs at secondary schools in Batu Pahat, Johor. This study also attempts to identify the perceptions of students and teachers about bullying and safety issues at secondary schools. 80 teachers and 480 students from eight secondary schools in Batu Pahat were randomly selected in this study. All information were gathered through Peer Relations Questionnaire – PRQ and The Nature and Prevalence of Bullying in Schools Questionnaire. Results have shown that there is a difference in perception about the prevalence of bullying among secondary school students, between students and teachers. Verbal bullying was seen as more physical bullying. Teachers and students agreed that they should be concerned and help each other to stop bullying in school. Students bullying desire were at low level. Vandalsma or destroying schools properties were serious safety issues in school reported by the students. When having problems about bullying, friends were the most frequently referred to by the

¹ Fakulti Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Skudai, Johor.

² Maktab Perguruan Batu Pahat, Batu Pahat, Johor.



students compared to others in schools. Intervention programs indicated significant association with the prevalence of bullying in schools at the moderate level. School based intervention programs such as school regulation and school's board of discipline were the most efficient programs to stop and handle bullying problems in secondary schools.

Keywords: Bullying, prevalence, perception, intervention, verbal bullying, physical bullying

1.0 PENGENALAN

Masalah buli memberi implikasi yang sangat besar terhadap emosi pelajar dan keselamatan di sekolah. Buli dikenal pasti sebagai situasi serangan suatu pihak di mana penyerang lebih berkuasa dan mangsa pula jarang membalaunya atau merasa untuk membalaunya semula. Jenis perlakuan buli sama ada secara langsung atau tidak langsung memberi impak negatif kepada pertumbuhan dan perkembangan pelajar yang menjadi mangsa buli dan juga kepada mereka yang terlibat dalam melakukan tingkah laku ini.

Adalah jelas sejak beberapa dekad kebelakangan ini, perlakuan buli merupakan masalah yang memerlukan pencegahan dan intervensi (Greenbaum, Turner, Stephens, 1989; Wilson, 1992). Pihak sekolah terutama sekali pihak guru perlu peka terhadap masalah ini di sekolah. Persepsi serta keprihatinan mereka dalam mengenal pasti punca dan tanda-tanda awal perlakuan buli adalah amat penting untuk merangka strategi pencegahan dan intervensi bagi menangani masalah perlakuan buli di sekolah.

Sekolah seharusnya menjadi kawasan yang selamat untuk pertumbuhan dan perkembangan anak-anak. Persekutuan sekolah yang selamat dan selesa dapat menjana proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Sebarang ancaman serta rasa tidak selamat di kalangan pelajar akibat daripada masalah perlakuan buli ini sedikit sebanyak akan mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Peningkatan jumlah kejadian jenayah yang dilakukan oleh pelajar sekolah, seperti kes rogol, seks bebas, kumpulan samseng, buli dan bunuh telah menimbulkan kebimbangan segenap lapisan masyarakat di seluruh negara. Sayangnya kita sering melihat sebilangan pihak hanya bertindak dengan menuding jari mencari siapa yang bersalah tanpa mengembeling tenaga dan usaha bagi mencari formula dan tindakan untuk menyelesaikan masalah ini. Ada yang menyalahkan ibu bapa kerana dianggap cuai mendidik anak-anak mereka di rumah. Sering kali pula guru-guru dipersalahkan kerana tidak dapat mendisiplinkan pelajar mereka di sekolah.

Bagi menangani masalah ini, kita perlu memahami apakah punca yang menyebabkan perlakuan buli ini wujud di kalangan pelajar? Apakah sebenarnya yang dikatakan ‘buli’? Adakah pihak sekolah menyedari kewujudan masalah-masalah ini dan apakah langkah dan program intervensi yang telah dijalankan oleh pihak sekolah bagi memastikan sekolah sebagai tempat yang selamat supaya program pendidikan



dapat berjalan dengan lancar dan sempurna. Usaha yang bersepadau antara semua pihak amat penting bagi mencari punca dan menyelesaikan kemelut ini daripada merebak dan seterusnya menggagalkan hasrat dan aspirasi negara ini. Kajian ini cuba untuk mencari apakah wujud tingkah laku buli, punca kewujudan perlakuan buli, kategori perlakuan buli, persepsi guru dan pelajar terhadap perlakuan buli di kalangan pelajar di sekolah menengah.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum kajian ini dijalankan adalah untuk melihat dan menentukan sejauh mana kewujudan perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah daripada perspektif guru dan pelajar. Objektif khusus kajian ini adalah;

- (1) Untuk mengenal pasti kekerapan perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah.
- (2) Untuk mengenal pasti persepsi pelajar dan guru tentang perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah.
- (3) Untuk mengenal pasti jenis perlakuan buli yang terdapat di sekolah menengah.
- (4) Untuk mengenal pasti sama ada terdapat program-program intervensi yang dijalankan di sekolah menengah.
- (5) Untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap isu-isu keselamatan di sekolah menengah.

4.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Adalah diharapkan bahawa dapatan kajian akan membolehkan para pelajar memahami, mengenal pasti jenis-jenis perlakuan perlakuan buli serta dapat mewujudkan kesedaran kepada pelajar tentang keburukan perlakuan buli dan betapa perlunya perlakuan ini dijauhi. Di samping itu juga dapatan kajian ini diharapkan membolehkan pelajar yang menjadi pembuli dan pelajar yang menjadi mangsa buli mendapatkan bantuan daripada pihak sekolah bagi menyelesaikan konflik dan trauma yang dialami.

Dapatan kajian ini juga diharap dapat digunakan oleh pihak sekolah untuk merangka, meningkatkan dan melaksanakan peraturan anti perlakuan buli, program-program intervensi serta langkah-langkah keselamatan bagi mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat.

Selain itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat digunakan dan dijadikan panduan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk merangka program serta langkah-langkah bagi menangani masalah perlakuan buli ini di sekolah-sekolah, membentuk program latihan berkenaan pencegahan perlakuan buli kepada guru-guru dan menyediakan garis panduan umum kepada semua sekolah bagi menangani masalah perlakuan buli ini.



Dapatkan kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan serta rujukan kepada pihak ibu bapa untuk menanam kesedaran tentang keburukan perlakuan buli dan mengawasi tingkah laku anak-anak mereka di rumah dan di luar sekolah. Melalui dapatkan kajian ini juga diharapkan pihak pertubuhan sukarela dapat menggunakan untuk menjalankan kempen serta program bagi menyedarkan masyarakat tentang perlakuan buli ini.

5.0 BATASAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan di lapan buah sekolah menengah di daerah Batu Pahat, Johor. Oleh kerana pelajar dan guru merupakan kelompok yang paling utama di sekolah, maka kajian ini hanya menumpukan kepada persepsi pelajar dan guru. Kajian ini membuat andaian segala perlakuan buli yang dikaji berlaku di sekolah menengah sahaja. Oleh yang demikian dapatkan kajian ini hanya merujuk kepada populasi yang dikaji.

6.0 SOROTAN PENULISAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Nansel *et al.* (2001), antara 8.4 peratus hingga 20 peratus kanak-kanak di Amerika Syarikat melaporkan bahawa mereka telah menjadi mangsa buli beberapa kali dalam seminggu. Manakala kajian Haynie *et al.* (2001), pula mendapati bahawa seramai 24.4 peratus hingga 44.6 peratus kanak-kanak melaporkan bahawa mereka telah menjadi mangsa buli sekurang-kurangnya sekali. Kajian mereka juga mendapati bahawa masalah perlakuan buli merupakan masalah yang memberi kesan yang negatif kepada 25 peratus hingga 50 peratus kanak-kanak di sekolah.

Jenis perlakuan buli yang lazimnya dilaporkan oleh pelajar-pelajar sekolah di United Kingdom berdasarkan kepada kajian Smith dan Sharp (1994), adalah panggilan nama, diikuti dengan dipukul, diugut dan penyebaran gossip atau fitnah. Menurut kajian Lagerspetz, Bjorqvist dan Peltonen (1988), remaja perempuan lazimnya menggunakan kaedah buli secara tidak langsung seperti penyebaran fitnah, penyisihan dan pemencilan untuk membuli rakan-rakan mereka.

Kajian yang telah dijalankan oleh Charach, Pepler, dan Ziegler (1995) mendapati bahawa guru jarang atau tidak pernah membincangkan tentang permasalahan perlakuan buli kepada pelajar mereka di dalam bilik darjah. Kajian mereka juga mendapati bahawa kakitangan sekolah mungkin melihat permasalahan perlakuan buli ini sebagai cerita atau perkhabaran yang tidak memudaratkan dan ianya tidak perlu diberi perhatian melainkan gangguan verbal dan psikologikal tersebut melampaui batas sehingga membawa kepada ancaman fizikal atau pergaduhan.

Stevens, Bourdeaudhuij dan Oost (2000) telah menjalankan kajian untuk menilai keberkesanan pendekatan anti buli berasaskan sekolah di kalangan sekolah-sekolah di Finland. Sejumlah 18 sekolah dengan seramai 1104 orang pelajar sekolah rendah



dan menengah telah diambil sebagai responden kajian ini. Dapatan kajian mendapati bahawa program intervensi anti buli berasaskan sekolah menunjukkan perubahan yang positif di sekolah rendah manakala di sekolah menengah pula hasilnya adalah sifar.

7.0 METODOLOGI KAJIAN

Berikut diterangkan bagaimana kajian ini telah dilaksanakan.

7.1 Rekabentuk Kajian

Tinjauan sampel dilakukan untuk mengumpulkan maklumat-maklumat berkenaan perlakuan buli di sekolah menengah. Maklumat-maklumat juga diperolehi berdasarkan jawapan soal selidik yang dijalankan dengan boleh ubah-pembaharuan yang telah ditentukan, rujukan dokumen, aktikel-artikel, jurnal dan projek disertasi terdahulu.

7.2 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada 33 534 orang pelajar sekolah menengah daerah Batu Pahat (Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat, 2004). Populasi kajian ini juga melibatkan guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah menengah yang dipilih.

Justeru itu, seramai 80 orang guru, 240 orang pelajar lelaki dan 240 orang pelajar perempuan telah dipilih untuk kajian ini. Sekolah-sekolah sampel pula dipilih secara rawak kelompok yang dibahagikan kepada 8 zon sekolah menengah daerah Batu Pahat iaitu Zon Air Hitam, Zon Senggarang, Zon Yong Peng, Zon Seri Gading, Zon Bandar, Zon Penggaram, Zon Bagan dan Zon Parit Sulong.

7.3 Instrumenasi

Dalam kajian ini dua set soal selidik (satu set soal selidik pelajar dan satu set soal selidik guru) digunakan untuk mengumpul data. Set soal selidik pelajar mengandungi dua bahagian manakala set soal selidik guru mengandungi satu bahagian sahaja.

(1) Set soal selidik pelajar

Set soal selidik pelajar terdiri daripada dua bahagian iaitu

(a) Bahagian A: Maklumat diri

Ia dibentuk sendiri oleh penyelidik dan bertujuan untuk mendapatkan latar belakang subjek kajian seperti data peribadi, sekolah tempat subjek belajar, tingkatan, sama ada tinggal di asrama atau tidak, umur, jantina dan taraf pendidikan ibu bapa.



- (b) Bahagian B: Soal Selidik Sifat dan Kekerapan Perlakuan Buli di Sekolah Penyelidik mengadaptasi beberapa soal selidik (Rigby & Slee, 1995; Orpinas & Kelder, 1995; Division of Adolescent and School Health (DASH), 1993) bagi membentuk Soal Selidik Sifat dan Kekerapan Perlakuan Buli di Sekolah yang mengandungi 58 item untuk mengumpul data berkenaan jenis, kekerapan dan persepsi pelajar mengenai perlakuan buli di sekolah.
- (ii) Set soal selidik guru

Penyelidik menggunakan Soal Selidik Sifat dan Kekerapan Perlakuan Buli Di Sekolah yang diadaptasikan daripada Ziegler dan Rosenstein-Manner (1991) serta Massey, Armstrong, dan Santoro (2000) untuk mengumpul data berkenaan persepsi, kekerapan, jenis, program-program intervensi dan lokasi perlakuan buli yang telah dikenal pasti oleh guru berlaku di sekolah. Sola selidik guru ini mengandungi 61 item. Penyelidik membuat beberapa pengubahsuaian terhadap beberapa item dalam soal selidik ini bagi tujuan pencapaian objektif kajian dan persoalan kajian.

7.4 Kaedah Alih Bahasa Soal Selidik

Penyelidik telah membuat alih bahasa (terjemahan dari bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu) kepada soal selidik kajian dan seterusnya menyerahkan soal selidik tersebut kepada dua orang pakar ‘bilingual’ yang tidak mempunyai pengalaman dengan soal selidik tersebut untuk menyemak dan membandingkannya dengan versi Bahasa Inggeris instrument tersebut. Setelah penyemakan dan pembetulan, penyelidik mendapatkan pengesahan mereka terhadap soal selidik tersebut.

8.0 KAJIAN RINTIS

Penyelidik melaksanakan kajian rintis ini di salah sebuah sekolah menengah di daerah Batu Pahat. Seramai 15 orang guru serta 30 orang pelajar telah dipilih secara rawak untuk kajian ini. Pelajar-pelajar yang dipilih terdiri daripada 7 orang pelajar lelaki tingkatan tiga, 8 orang pelajar perempuan tingkatan tiga, 8 orang pelajar lelaki tingkatan lima dan 7 orang pelajar perempuan tingkatan lima. Hasil Hasil kebolehpercayaan dengan menggunakan kaedah uji ulang uji terhadap keseluruhan item soal selidik didapati nilai Cronbach alpha soal selidik guru adalah 0.8097 manakala nilai Cronbach alpha soal selidik pelajar pula adalah 0.7010.

9.0 ANALISIS DATA

Data-data yang diperolehi dianalisis berdasarkan tujuan dan hipotesis kajian. Analisis kekerapan dan peratus digunakan untuk melihat taburan latar belakang responden seperti jantina, umur, keturunan, sama ada tinggal di asrama, tahap pendidikan ibu



dan bapa, pengalaman mengajar dan pengalaman mengajar di sekolah menengah berkenaan. Min skor digunakan bagi menentukan tahap kekerapan dan persepsi pelajar serta guru tentang perlakuan buli di sekolah. Nilai min skor adalah berdasarkan sumber Roslan (2004).

10.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

(1) Maklumat diri responden

Di dalam kajian ini responden yang terlibat terdiri daripada para pelajar sekolah menengah dan kalangan guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah menengah yang terpilih untuk kajian ini di daerah Batu Pahat. Bilangan responden (pelajar) adalah seramai 240 orang pelajar lelaki (50.0 %) dan 240 orang pelajar perempuan (50.0 %). Dari jumlah ini 160 orang (33.3 %) responden adalah para pelajar tingkatan 1, 160 orang (33.3 %) responden adalah pelajar tingkatan 2 dan 160 orang (33.3 %) responden adalah pelajar tingkatan 4. Responden (pelajar) dari keturunan Melayu adalah yang paling ramai iaitu seramai 390 orang (81.3 %), keturunan Cina seramai 85 orang (17.7 %) dan keturunan India seramai 5 orang (1.0 %). Responden yang tinggal di asrama adalah seramai 63 orang (31.1 %).

Jadual 1 Taburan responden mengikut jantina, keturunan dan tingkatan

							Tinggal di asrama		
Lelaki		Perempuan	Ting. 1	Ting. 2	Ting. 4	Melayu	Cina	India	
Bil.	240	240	160	160	160	390	85	5	63
%	50.0	50.0	33.3	33.3	33.3	81.3	17.7	1.0	31.1

Tahap pendidikan sekolah menengah merupakan kumpulan yang paling ramai bagi kedua-kedua kategori tahap pendidikan ibu (316 orang; 65.8%) dan bapa (313 orang; 65.2%).

Jadual 2 Taburan tahap pendidikan ibu dan bapa responden

Taraf pendidikan	Ibu		Bapa	
	Bil.	%	Bil.	%
Sekolah menengah	316	65.8	313	65.2

Responden di kalangan guru pula terdiri daripada 80 orang guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah menengah yang terpilih di daerah Batu Pahat. Taburan pengalaman



mengajar responden menunjukkan responden yang dikaji mempunyai pengalaman mengajar antara 1 tahun hingga 34 tahun. Taburan pengalaman mengajar juga menunjukkan responden yang dikaji mempunyai pengalaman mengajar antara 1 tahun hingga 28 tahun di sekolah tempat bertugas. Dari jumlah ini responden yang mempunyai pengalaman mengajar selama 1 tahun di sekolah (12 orang: 15%) dan pengalaman mengajar selama 1 tahun di sekolah tempat mereka bertugas (16 orang: 20 %), merupakan kumpulan responden yang paling ramai sekali.

Jadual 3 Taburan pengalaman mengajar responden

Pengalaman mengajar	Bilangan	Peratus	Pengalaman mengajar di tempat bertugas	Bilangan	Peratus
1 – 5 tahun	23	28.75	1 – 5 tahun	45	56.25
6 – 10 tahun	26	32.5	6 – 10 tahun	22	27.5
11 – 15 tahun	12	15.0	11 – 15 tahun	9	11.25
16 – 20 tahun	10	12.5	16 – 20 tahun	3	3.75
21 – 25 tahun	4	5.0	21 – 25 tahun	0	0.00
26 – 30 tahun	3	3.75	26 – 28 tahun	1	1.25
> 30 tahun	2	2.5	> 28 tahun	0	0.00
Jumlah	80	100.0	Jumlah	80	100.0

(2) Kekerapan dan kategori perlakuan buli yang dilaporkan oleh pelajar-pelajar

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, kekerapan perlakuan buli yang dilaporkan oleh pelajar sekolah menengah di daerah Batu Pahat secara keseluruhan berada pada tahap sederhana dengan min skor 2.72 dan sisihan piawai 0.75. Sementara itu perlakuan buli secara verbal (min skor = 3.17, sisihan piawai = 0.88) merupakan perlakuan buli yang paling kerap berlaku berbanding perlakuan buli secara fizikal (min skor = 2.55, sisihan piawai = 0.91). Dapatkan ini selari dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Boulton, Trueman dan Flemington (2002), yang mendapati bahawa serangan verbal merupakan jenis perlakuan buli yang paling kerap dilaporkan oleh pelajar. Selari dengan dapatan kajian Dawkins (1995), dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa mengejek pelajar lain dengan panggilan nama yang buruk merupakan kategori perlakuan buli secara verbal yang paling kerap dilihat berlaku di sekolah (min skor = 3.98, sisihan piawai = 1.27) diikuti dengan perlakuan menyenggung perasaan, mempersendakan, mencemuh, mengajak untuk bergaduh dan mengancam untuk memukul dan mencederakan pelajar lain.

Menolak pelajar lain merupakan jenis perlakuan buli secara fizikal yang paling kerap dilihat berlaku di sekolah-sekolah menengah daerah Batu Pahat dengan min



skor 3.27 dan sisihan piawai 1.39. Ini bertentangan dengan dapatan kajian Borg (1999) yang mendapati memukul merupakan perlakuan buli fizikal yang paling popular dan kerap dilakukan oleh pelajar.

Jadual 4 Taburan kekerapan perlakuan buli secara verbal dan fizikal (Laporan pelajar)

Pernyataan	1	2	3	4	5	Min	SP
Seorang pelajar telah mencemuh pelajar lain untuk membuatkannya merasa marah	65 (13.5)	78 (16.3)	89 (18.5)	125 (26.0)	123 (25.6)	3.34	1.37
Seorang pelajar telah mempersendakan pelajar lain	51 (10.6)	77 (16.0)	86 (17.9)	134 (27.9)	132 (27.5)	3.46	1.33
Seorang pelajar telah mengajak pelajar lain untuk bergaduh	157 (32.7)	151 (31.5)	94 (19.6)	55 (11.5)	23 (4.8)	2.24	1.16
Seorang pelajar telah mengejek pelajar lain dengan panggilan nama yang buruk	31 (6.5)	51 (10.6)	50 (10.4)	112 (23.3)	236 (49.2)	3.98	1.27
Seorang pelajar telah mengancam untuk memukul dan mencederakan pelajar lain	196 (40.8)	130 (27.1)	90 (18.8)	47 (9.8)	17 (3.5)	2.08	1.14
Seorang pelajar cuba untuk menyinggung perasaan pelajar lain.	30 (6.3)	53 (11.0)	70 (14.6)	113 (23.5)	214 (44.6)	3.89	1.26
Seorang pelajar telah memukul pelajar lain.	138 (28.8)	158 (32.9)	105 (21.9)	61 (12.7)	18 (3.8)	2.30	1.13
Seorang pelajar telah menolak pelajar lain	67 (14.0)	92 (19.2)	88 (18.3)	111 (23.1)	122 (25.4)	3.27	1.39
Seorang pelajar telah mengasari pelajar lain.	74 (15.4)	108 (22.5)	117 (24.4)	106 (22.1)	75 (15.6)	3.00	1.30
Seorang pelajar telah menampar pelajar lain.	215 (44.8)	143 (29.8)	70 (14.6)	35 (7.3)	17 (3.5)	1.95	1.10
Seorang pelajar telah menendang pelajar lain.	174 (36.3)	136 (28.3)	89 (18.5)	55 (11.5)	26 (5.4)	2.21	1.20

* Min skor keseluruhan kekerapan perlakuan buli verbal = 3.17 Sisihan piawai = 0.88 n = 480

* Min skor keseluruhan kekerapan perlakuan buli fizikal = 2.55 Sisihan piawai = 0.91 n = 480

1= Tidak pernah (Tiada), 2 = Jarang (1 atau 2 kali Setahun),

3 = Kadang-kadang (1 atau 2 kali sebulan) 4 = Kerap (1 atau 2 kali seminggu),

5 = Selalu (Setiap hari), SP = Sisihan piawai

Dapatan kajian ini mendapati bahawa dalam kelas (min skor = 2.83, sisihan piawai = 1.49) merupakan lokasi di mana perlakuan buli dilihat paling kerap berlaku diikuti semasa rehat, dalam perjalanan dari sekolah dan dalam perjalanan ke sekolah. Ini selari dengan dapatan kajian Olweus dan Limber (1999), bilik darjah merupakan lokasi di mana perlakuan buli paling kerap dilaporkan. Begitu juga dengan dapatan



kajian Borg (1999), yang mendapati padang permainan dan bilik darjah merupakan lokasi paling kerap perlakuan buli diikuti dengan dalam perjalanan dari sekolah dan di koridor sekolah.

Jadual 5 Taburan kekerapan perlakuan buli di empat lokasi di sekolah (Laporan pelajar)

Pernyataan	1	2	3	4	5	Min	SP
Di dalam kelas	131 (27.3)	90 (18.8)	87 (18.1)	73 (15.2)	99 (20.6)	2.83	1.49
Semasa rehat	113 (23.5)	121 (25.2)	112 (23.3)	86 (17.9)	48 (10.0)	2.66	1.29
Dalam perjalanan ke sekolah	309 (64.4)	75 (15.6)	41 (8.5)	34 (7.1)	21 (4.4)	1.71	1.15
Dalam perjalanan dari sekolah	255 (53.1)	111 (23.1)	41 (8.5)	44 (9.2)	29 (6.0)	1.91	1.23

* Min skor keseluruhan = 2.28

Sisihan piawai = 0.93

n = 480

1= Tidak pernah (Tiada),

2= Jarang (1 atau 2 kali Setahun),

3= Kadang-kadang (1 atau 2 kali sebulan)

4= Kerap (1 atau 2 kali seminggu),

5= Selalu (Setiap hari),

SP = Sisihan piawai

(3) Persepsi pelajar tentang perlakuan buli di sekolah

Dapatan kajian menunjukkan, pernyataan ‘kerana mereka menyakitkan hati saya’ merupakan alasan buli yang paling utama (min skor = 3.42 , sisihan piawai = 1.17) dilaporkan oleh para pelajar sekolah menengah daerah Batu Pahat. Ini diikuti dengan alasan untuk membala semula, kerana orang lain melakukannya, untuk suka-suka, untuk mendapatkan sesuatu atau wang, untuk menunjukkan kekuatan dan akhir sekali kerana mereka (mangsa buli) adalah pengecut. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap alasan untuk membuli pelajar lain berada pada tahap sederhana (min skor = 2.66, sisihan piawai = 0.80).

Pelajar-pelajar sekolah menengah daerah Batu Pahat mempunyai persepsi yang tinggi terhadap keupayaan mereka untuk menentang dan menghentikan pelajar sebaya mereka daripada membuli mereka (min skor = 2.97, sisihan piawai 1.22). Kajian ini juga mendapat bahawa keinginan pelajar untuk mencederakan atau mengganggu pelajar lain mencatatkan skor yang paling rendah. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian terdahulu oleh Boulton, Trueman dan Flemington (2002), yang mendapati pelajar di United Kingdom mempunyai sikap yang anti terhadap perlakuan buli dan menunjukkan simpati terhadap mangsa buli. Menyokong kajian ini juga, dapatan kajian Salmivalli (2001) yang mendapati bahawa majoriti pelajar di selatan Finland mempunyai sikap yang positif terhadap perlakuan buli dan keupayaan mereka untuk menangani masalah tersebut. Secara keseluruhannya persepsi pelajar terhadap

**Jadual 6** Persepsi pelajar tentang alasan dan pencegahan perlakuan buli di sekolah

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SB	Min	SP
Untuk suka-suka	162 (33.8)	114 (23.8)	86 (17.9)	90 (18.8)	28 (5.8)	2.39	1.28
Kerana mereka menyakitkan hati saya	40 (8.3)	69 (14.4)	103 (21.5)	187 (39.0)	81 (16.9)	3.42	1.17
Kerana mereka adalah pengecut	145 (30.2)	138 (28.8)	134 (27.9)	44 (9.2)	19 (4.0)	2.28	1.11
Untuk mendapatkan sesuatu atau wang daripada mereka	187 (39.0)	91 (19.0)	81 (16.9)	83 (17.3)	38 (7.9)	2.36	1.35
Untuk menunjukkan betapa kuatnya saya	174 (36.3)	107 (22.3)	107 (22.3)	51 (10.6)	41 (8.5)	2.33	1.29
Kerana orang lain melakukannya	134 (27.9)	113 (23.5)	129 (26.9)	79 (16.5)	25 (5.2)	2.48	1.21
Untuk membala semula atau membala dendam	55 (11.5)	69 (14.4)	120 (25.0)	132 (27.5)	104 (21.7)	3.34	1.28
Guru dan pelajar perlu disedarkan tentang menghentikan perlakuan buli di sekolah ini	23 (4.8)	11 (2.3)	15 (3.1)	121 (25.2)	310 (64.6)	4.43	1.01
Guru seharusnya cuba menghentikan perlakuan ini	21 (4.4)	13 (2.7)	27 (5.6)	163 (34.0)	256 (53.3)	4.29	1.00
Pelajar masing-masing perlu membantu menghentikan perlakuan ini	15 (3.1)	13 (2.7)	69 (14.4)	161 (33.5)	222 (46.3)	4.17	0.98
Anda secara sendirinya perlu cuba untuk menghentikan perlakuan ini apabila anda melihat perlakuan ini dilakukan	32 (6.7)	46 (9.6)	175 (36.5)	160 (33.3)	67 (14.0)	3.38	1.05
Guru dan pelajar seharusnya saling bekerja untuk menghentikan perlakuan buli ini	14 (2.9)	16 (3.3)	33 (6.9)	159 (33.1)	258 (53.8)	4.31	0.95
Anda boleh mendapatkan bantuan daripada seseorang untuk mengelakkan anda daripada dibuli	21 (4.4)	32 (6.7)	129 (26.9)	187 (39.0)	111 (23.1)	3.70	1.04
Anda berminat untuk memperkatakan masalah perlakuan buli di sekolah dengan pelajar lain bagi melihat apa yang boleh dilakukan untuk menghentikan perlakuan buli ini	41 (8.5)	54 (11.3)	152 (31.7)	151 (31.5)	82 (17.1)	3.37	1.15

* Min skor keseluruhan alasan membuli = 2.66

Sisihan piawai = 0.80 n = 480

* Min skor keseluruhan pencegahan buli = 3.95

Sisihan piawai = 0.66 n = 480

STS = Sangat tidak setuju, TS = Tak setuju,

TP = Tak pasti, S = Setuju,

SB = Sangat bersetuju

SP = Sisihan piawai



pencegahan buli berada pada tahap yang tinggi (min skor = 3.95, sisihan piawai = 0.69). Majoriti pelajar percaya bahawa guru dan pelajar perlu disedarkan tentang menghentikan perlakuan buli di sekolah.(89.8 peratus). Mereka juga bersetuju bahawa guru dan pelajar perlu saling bekerjasama bagi menghentikan perlakuan buli ini.

Jadual 7 Persepsi pelajar tentang keupayaan membuli di sekolah

Pernyataan	TF	KB	TP	B	SB	Min	SP
Bagaimakah keupayaan anda untuk menentang dan menghentikan pelajar sebaya anda daripada membuli anda?	74 (15.4)	97 (20.2)	123 (25.6)	143 (29.8)	43 (9.0)	2.97	1.22
Bagaimakah keupayaan anda untuk membuli pelajar lain, sekiranya anda ingin berbuat demikian?	169 (35.2)	67 (14.0)	148 (30.8)	75 (15.6)	21 (4.4)	2.40	1.23
Pernahkah anda merasa ingin mencederakan atau mengganggu pelajar lain?	292 (60.8)	38 (7.9)	98 (20.4)	45 (9.4)	7 (1.5)	1.83	1.14
Adakah anda fikir anda boleh menyertai perlakuan membuli seseorang yang anda tidak suka?	252 (52.5)	39 (8.1)	127 (26.5)	37 (7.7)	25 (5.2)	2.10	1.25

* Min skor keseluruhan = 2.31 Sisihan piawai = 0.76 n = 480

TF = Tidak pernah terfikir, KB = Kurang berupaya, TP = Tak pasti, B = Berupaya,

SB = Sangat berupaya, SP = Sisihan piawai

Vandalisma atau merosakkan harta benda sekolah merupakan isu keselamatan yang paling serius di sekolah menengah daerah Batu Pahat menurut persepsi pelajar. Ini diikuti dengan isu-isu aktiviti kumpulan samseng, perlakuan buli, keganasan fizikal, ancaman verbal, ancaman untuk dicederakan semasa dalam perjalanan ke sekolah dan ancaman untuk dicederakan dalam perjalanan pulang dari sekolah. Kajian terdahulu oleh Henson, Massey dan Armstrong (2002) juga mendapati membawa senjata ke sekolah dan aktiviti kumpulan samseng di sekolah mencatat peratus yang rendah. Secara keseluruhannya, persepsi pelajar terhadap isu-isu keselamatan di sekolah berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan wujudnya kesedaran dan sikap pelajar terhadap isu keselamatan persekitaran dan tingkah laku di sekolah.

**Jadual 8** Persepsi pelajar tentang isu-isu keselamatan di sekolah

Pernyataan	TM	M	SD	SR	PS	Min	SP
Ancaman verbal di kalangan pelajar	79 (16.5)	82 (17.1)	178 (37.1)	87 (18.1)	54 (11.3)	2.91	1.21
Ancaman untuk mencederakan pelajar semasa dalam perjalanan ke sekolah	121 (25.2)	104 (21.7)	120 (25.0)	92 (19.2)	43 (9.0)	2.65	1.29
Ancaman untuk mencederakan pelajar semasa dalam perjalanan pulang dari sekolah	98 (20.4)	122 (25.4)	103 (21.5)	113 (23.5)	44 (9.2)	2.76	1.27
Keganasan fizikal	58 (12.1)	115 (24.0)	140 (29.2)	96 (20.0)	71 (14.8)	3.01	1.23
Perlakuan buli	33 (6.9)	86 (17.9)	146 (30.4)	155 (32.3)	60 (12.5)	3.26	1.10
Aktiviti kumpulan samseng di kalangan pelajar	60 (12.5)	88 (18.3)	110 (22.9)	100 (20.8)	122 (25.4)	3.28	1.35
Vandalisma atau merosakkan harta benda sekolah	34 (7.1)	74 (15.4)	148 (30.8)	132 (27.5)	92 (19.2)	3.36	1.16

* Min skor keseluruhan = 3.03 Sisihan piawai = 0.91 n = 480

TM = Tiada masalah, M = Minima, SD = Sederhana, SR = Serius, PS = Paling serius

SP = Sisihan piawai

(4) Kekerapan dibuli dan pengalaman mangsa buli

Daripada 480 orang responden yang dikaji, hanya 109 orang (22.7 peratus) responden menyatakan bahawa mereka pernah dibuli. Dari jumlah ini hanya 2.5 peratus responden menyatakan mereka telah dibuli setiap hari, 2.7 peratus menyatakan mereka dibuli 1 atau 2 kali seminggu, 5.6 peratus menyatakan mereka kadang-kadang (1 atau 2 kali sebulan) dibuli dan 11.9 peratus lagi menyatakan mereka jarang (1 atau 2 kali setahun) dibuli. Dapatkan jelas menunjukkan tahap kekerapan perlakuan buli di sekolah menengah daerah Batu Pahat berada pada tahap yang rendah (min skor = 1.41, sisihan piawai = 0.91). Tahap kekerapan perlakuan buli yang dilaporkan ini jauh lebih rendah daripada dapatan kajian yang dijalankan oleh Smith dan Sharp (1994), di United Kingdom yang mendapati 4 peratus daripada pelajar yang disoal selidik melaporkan bahawa mereka telah dibuli sekurang-kurangnya 1 kali seminggu.

Berdasarkan laporan mangsa buli, dapatan kajian ini juga mendapati bahawa perlakuan buli secara verbal merupakan perlakuan buli yang paling kerap dialami oleh mangsa buli berbanding perlakuan buli secara fizikal. Berbeza dengan laporan pelajar yang melihat perlakuan buli, mangsa buli melaporkan bahawa perlakuan buli secara verbal yang paling kerap dialami oleh mereka adalah mereka sering disinggung perasaan, diikuti dengan cemuhan, diejek dengan panggilan nama yang buruk,



dipersendakan, diajak untuk bergaduh dan akhir sekali diancam untuk dicekeran. Mangsa buli juga melaporkan bahawa ditolak oleh pelajar lain merupakan perlakuan buli yang paling kerap dialami oleh mereka. Ini diikuti dengan dikesari, dipukul, ditendang dan akhir sekali ditampar.

Jadual 9 Taburan kekerapan dibuli

Pernyataan	1	2	3	4	5	Min	SP
Pernahkah anda dibuli oleh mana-mana pelajar di sekolah pada tahun ini	371 (77.3)	57 (11.9)	27 (5.6)	13 (2.7)	12 (2.5)	1.41	0.91
Seorang pelajar telah mencemuh saya untuk membuatkan saya merasa marah	13 (2.7)	20 (4.2)	32 (6.7)	21 (4.4)	23 (4.8)	3.19	1.29
Seorang pelajar telah mempersendakan saya	14 (2.9)	28 (5.8)	30 (6.3)	17 (3.5)	20 (4.2)	3.01	1.29
Seorang pelajar telah mengajak saya untuk bergaduh	55 (11.5)	27 (5.6)	12 (3.5)	9 (1.9)	6 (1.3)	1.94	1.20
Seorang pelajar telah mengejek saya dengan panggilan nama yang buruk	19 (4.0)	19 (4.0)	25 (5.2)	17 (3.5)	29 (6.0)	3.17	1.44
Seorang pelajar telah mengancam untuk memukul dan mencederakan saya	65 (13.5)	23 (4.8)	13 (2.7)	7 (1.5)	1 (0.2)	1.68	0.98
Seorang pelajar cuba untuk menyenggung perasaan saya	10 (2.1)	27 (5.6)	18 (3.8)	22 (4.6)	32 (6.7)	3.36	1.37
Seorang pelajar telah memukul saya	48 (10.0)	31 (6.5)	19 (4.0)	10 (2.1)	1 (0.2)	1.95	1.03
Seorang pelajar telah menolak saya	31 (6.5)	27 (5.6)	25 (5.2)	16 (3.3)	10 (2.1)	2.51	1.30
Seorang pelajar telah mengasari saya	42 (8.8)	31 (6.5)	17 (3.5)	15 (3.1)	4 (0.8)	2.16	1.19
Seorang pelajar telah menampar saya	74 (15.4)	22 (4.6)	9 (1.9)	2 (0.4)	2 (0.4)	1.50	0.87
Seorang pelajar telah menendang saya	66 (13.8)	21 (4.4)	8 (1.7)	10 (2.1)	4 (0.8)	1.76	1.15

* Min skor keseluruhan dibuli secara verbal = 2.72

Sisihan piawai = 0.85

n = 109

* Min skor keseluruhan dibuli secara fizikal= 1.97

Sisihan piawai = 0.80

n = 109

1= Tidak pernah (Tiada),

2 = Jarang (1 atau 2 kali Setahun),

3 = Kadang-kadang (1 atau 2 kali sebulan)

4 = Kerap (1 atau 2 kali seminggu),

5 = Selalu (Setiap hari),

SP = Sisihan Piawai



Rakan sebaya merupakan orang yang paling kerap dirujuk oleh mangsa buli berkenaan perlakuan buli yang telah dialami. Ini diikuti dengan ibu, bapa, guru, kaunselor dan akhir sekali pengetua sekolah. Dapatan kajian tidak selari dengan dapatan kajian oleh Perry, Williard dan Perry (1990), yang mendapati bahawa rakan sebaya hanya menunjukkan sedikit empati kepada rakan-rakan mereka yang menjadi mangsa buli. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa mangsa buli kurang yakin terhadap keupayaan pihak sekolah untuk menyelesaikan masalah perlakuan buli yang dialami oleh mereka. Ini mungkin disebabkan guru kurang atau tidak pernah membincangkan tentang permasalahan perlakuan buli kepada pelajar mereka di dalam bilik darjah. Ini disokong dengan dapatan kajian Charach, Pepler dan Ziegler (1995) yang mendapati bahawa pihak sekolah mungkin melihat permasalahan buli ini sebagai perkhabaran yang tidak memudaratkan dan tidak perlu diberi perhatian melainkan ianya melampaui batas sehingga membawa kepada ancaman fizikal atau pergaduhan. Kajian Crozier dan Skliopidou (2002) mendapati bahawa pihak guru tidak banyak membantu apabila responden (mangsa buli) merujuk masalah perlakuan buli mereka kepada pihak sekolah. Borg (1998) juga mendapati ketidaupayaan dan ketidak-sanggupan guru untuk melindungi mangsa buli menyebabkan para pelajar merasa marah dan hilang harga diri selepas dibuli.

Jadual 10 Pihak yang dirujuk oleh mangsa berkenaan perlakuan buli

Pernyataan	Y	T	Min	SP
Ibu anda	54 (11.3)	55 (11.5)	1.50	0.50
Bapa anda	29 (6.0)	80 (16.7)	1.27	0.44
Guru anda	18 (3.8)	91 (19.0)	1.17	0.37
Pengetua sekolah anda	1 (0.20)	108 (22.5)	1.01	0.10
Kaunselor sekolah anda	6 (1.3)	103 (21.5)	1.06	0.23
Rakan anda	92 (19.2)	17 (3.5)	1.84	0.36

* Min skor keseluruhan = 1.69 Sisihan piawai = 0.22 n = 109

Y = Ya, T = Tidak, SP = Sisihan piawai



(5) Kekerapan perlakuan buli di kalangan pelajar yang dilaporkan oleh guru-guru

Berbeza dengan laporan pelajar, kekerapan perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah daerah Batu Pahat yang dilaporkan oleh guru berada pada tahap yang rendah (min skor = 2.31, sisihan piawai = 0.68). Namun demikian, guru dan pelajar sepakat bahawa perlakuan buli secara verbal merupakan perlakuan buli yang paling kerap berlaku di sekolah berbanding perlakuan buli secara fizikal. Dapatkan ini bertentangan dengan dapatan kajian Hazler *et al.* (2001), yang mendapati bahawa para guru melihat penyalahgunaan fizikal adalah lebih jelas berlaku berbanding penyalahgunaan verbal. Bagi perlakuan buli secara verbal, perlakuan buli

Jadual 11 Taburan kekerapan perlakuan buli secara verbal dan fizikal (Laporan guru)

Pernyataan	1	2	3	4	5	Min	SP
Seorang pelajar telah mencemuh pelajar lain untuk membuatkannya merasa marah	11 (13.8)	16 (20.0)	16 (20.0)	17 (21.3)	20 (25.0)	3.24	1.39
Seorang pelajar telah mempersendakan pelajar lain	3 (3.8)	22 (27.5)	16 (20.0)	18 (22.5)	21 (26.3)	3.40	1.25
Seorang pelajar telah mengajak pelajar lain untuk bergaduh	30 (37.5)	37 (46.3)	7 (8.8)	6 (7.5)	0 (0.00)	1.86	0.87
Seorang pelajar telah mengejek pelajar lain dengan panggilan nama yang buruk	3 (3.8)	26 (32.5)	22 (27.5)	14 (17.5)	15 (18.8)	3.15	1.18
Seorang pelajar telah mengancam untuk memukul dan mencederakan pelajar lain	38 (47.5)	35 (43.8)	3 (3.8)	4 (5.0)	0 (0.00)	1.66	0.78
Seorang pelajar cuba untuk menyinggung perasaan pelajar lain	1 (1.3)	25 (31.3)	22 (27.5)	19 (23.8)	13 (16.3)	3.23	1.10
Seorang pelajar telah memukul pelajar lain	23 (28.8)	38 (47.5)	11 (13.8)	7 (8.8)	1 (1.3)	2.06	0.95
Seorang pelajar telah menolak pelajar lain	22 (27.5)	26 (32.5)	19 (23.8)	11 (13.8)	2 (2.5)	2.31	1.10
Seorang pelajar telah mengasari pelajar lain	12 (15.0)	35 (43.8)	20 (25.0)	12 (15.0)	1 (1.3)	2.44	0.97
Seorang pelajar telah menampar pelajar lain	47 (58.8)	26 (32.5)	3 (3.8)	4 (5.0)	0 (0.00)	1.56	0.79
Seorang pelajar telah menendang pelajar lain	41 (51.3)	28 (35.0)	5 (6.3)	6 (7.5)	0 (0.00)	1.70	0.89

* Min skor keseluruhan kekerapan buli verbal = 2.76

Sisihan piawai = 0.84 n = 80

* Min skor keseluruhan kekerapan buli fizikal = 2.01

Sisihan piawai = 0.78 n = 80

1 = Tidak pernah (Tiada),

2 = Jarang (1 atau 2 kali Setahun),

3 = Kadang-kadang (1 atau 2 kali sebulan)

4 = Kerap (1 atau 2 kali seminggu),

5 = Selalu (Setiap hari),

SP = Sisihan piawai



mempersendakan merupakan perlakuan buli yang paling kerap dilihat dilakukan oleh pelajar. Ini diikuti dengan mencemuh, menyinggung perasaan, mengejek dengan panggilan nama yang buruk, mengajak untuk bergaduh dan akhir sekali mengancam untuk memukul dan mencederakan. Berkenaan perlakuan buli secara fizikal, guru-guru melihat perlakuan mengasari pelajar lain sebagai perlakuan buli yang paling kerap berlaku di sekolah, diikuti dengan perlakuan menolak, memukul, menendang dan akhir sekali menampar.

Sependapat dengan pelajar, para guru melihat bahawa dalam kelas merupakan lokasi di mana perlakuan buli paling kerap berlaku. Ini diikuti semasa rehat, dalam perjalanan dari sekolah dan akhir sekali dalam perjalanan ke sekolah.

Jadual 12 Taburan kekerapan perlakuan buli di empat lokasi di sekolah (Laporan pelajar)

Pernyataan	1	2	3	4	5	Min	SP
Di dalam kelas	15 (18.8)	22 (27.5)	23 (28.8)	8 (10.0)	12 (15.0)	2.75	1.30
Semasa rehat	13 (16.3)	39 (48.8)	18 (22.5)	9 (11.3)	1 (1.3)	2.33	0.92
Dalam perjalanan ke sekolah	50 (62.5)	24 (30.0)	4 (5.0)	2 (2.5)	0 (0.00)	1.48	0.71
Dalam perjalanan dari sekolah	51 (63.8)	20 (25.0)	7 (8.8)	2 (2.5)	0 (0.00)	1.50	0.76

* Min skor keseluruhan = 2.01

Sisihan piawai = 0.67

n = 80

1= Tidak pernah (Tiada),

2 = Jarang (1 atau 2 kali Setahun),

3 = Kadang-kadang (1 atau 2 kali sebulan)

4 = Kerap (1 atau 2 kali seminggu),

5 = Selalu (Setiap hari),

SP = Sisihan Piawai

(6) Persepsi guru tentang perlakuan buli

Seiring dengan pelajar, secara keseluruhannya persepsi guru sekolah menengah daerah Batu Pahat terhadap pencegahan buli berada pada tahap yang tinggi(min skor = 4.31, sisihan piawai = 0.53). Majoriti guru (95.3 peratus) berpendapat guru dan pelajar perlu saling berkerjasama untuk menghentikan perlakuan buli di sekolah. Mereka juga bersetuju supaya guru dan pelajar perlu disedarkan tentang menghentikan perlakuan buli di sekolah. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa para guru mempunyai persepsi dan kesedaran yang positif terhadap pencegahan perlakuan buli di sekolah.

**Jadual 13** Persepsi guru tentang pencegahan buli

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SB	Min	SP
Guru dan pelajar perlu disedarkan tentang menghentikan perlakuan buli di sekolah ini	1 (1.3)	0 (0.00)	2 (2.5)	32 (40.0)	45 (56.3)	4.50	0.68
Guru seharusnya cuba untuk menghentikan perlakuan ini	1 (1.3)	0 (0.00)	3 (3.8)	37 (46.3)	39 (48.8)	4.41	0.69
Pelajar masing-masing perlu membantu menghentikan perlakuan ini	1 (1.3)	1 (1.3)	4 (5.0)	31 (38.8)	43 (53.8)	4.43	0.76
Anda secara sendirinya perlu cuba untuk menghentikan perlakuan ini apabila anda melihat perlakuan ini dilakukan	2 (2.5)	3 (3.8)	7 (8.8)	39 (48.8)	29 (36.3)	4.13	0.91
Guru dan pelajar seharusnya saling bekerja untuk menghentikan perlakuan buli ini	1 (1.3)	0 (0.00)	2 (2.5)	27 (33.8)	50 (62.5)	4.56	0.67
Pelajar boleh mendapatkan bantuan daripada seseorang untuk mengelakkan diri mereka daripada dibuli	4 (5.0)	3 (3.8)	7 (8.8)	40 (50.0)	26 (32.5)	4.01	1.01
Anda berminat untuk memperkatakan masalah perlakuan buli di sekolah dengan pelajar lain bagi melihat apa yang boleh dilakukan untuk menghentikan perlakuan buli ini.	0 (0.00)	4 (5.0)	7 (8.8)	45 (56.3)	24 (30.0)	4.11	0.76

* Min skor keseluruhan = 4.31

Sisihan piawai = 0.53

n = 80

STS = Sangat tidak setuju,

TS = Tak setuju,

TP = Tak pasti,

S = Setuju,

SB = Sangat bersetuju

SP = Sisihan piawai

'Untuk membala semula atau untuk membala dendam' merupakan alasan membuli yang paling utama menurut persepsi guru. Ini diikuti dengan alasan kerana mereka menyakitkan hati rakan, untuk menunjukkan kekuatan, untuk suka-suka, kerana mereka adalah pengecut, kerana orang lain melakukannya dan akhir sekali untuk mendapatkan sesuatu atau wang. Ini amat berbeza dengan persepsi pelajar yang menyatakan 'kerana seseorang telah menyakitkan hati saya' merupakan alasan membuli paling utama. Perbezaan pesepsi ini menunjukkan bahawa guru-guru memerlukan latihan dan pengalaman bagi memantapkan lagi pemahaman mereka terhadap perlakuan buli di kalangan pelajar. Kajian Douglas *et al.* (1999), mendapati bahawa para guru mempunyai kesedaran terhadap perlakuan buli secara umum. Hazler *et al.* (2001), mencadangkan supaya para professional terutama sekali guru perlu diberi latihan untuk memantapkan lagi pemahaman mereka terhadap perlakuan buli ini.

**Jadual 14** Persepsi guru tentang alasan membuli

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SB	Min	SP
Untuk suka-suka	5 (6.3)	4 (5.0)	16 (20.0)	42 (52.5)	13 (16.3)	3.68	1.02
Kerana mereka menyakitkan hati saya	3 (3.8)	3 (3.8)	19 (23.8)	45 (56.3)	10 (12.5)	3.70	0.88
Kerana mereka adalah pengecut	16 (20.0)	16 (20.0)	37 (46.3)	7 (8.8)	4 (5.0)	2.59	1.06
Untuk mendapatkan sesuatu atau wang daripada mereka	8 (10.0)	9 (11.3)	26 (32.5)	33 (41.3)	4 (5.0)	3.20	1.05
Untuk menunjukkan betapa kuatnya saya	2 (2.5)	7 (8.8)	16 (20.0)	44 (55.0)	11 (13.8)	3.69	0.91
Kerana orang lain melakukannya	3 (3.8)	7 (8.8)	27 (33.8)	41 (51.3)	2 (2.5)	3.40	0.84
Untuk membala semula atau membala dendam	0 (0.00)	3 (3.8)	16 (20.0)	54 (67.5)	7 (8.8)	3.81	0.64

* Min skor keseluruhan = 3.44

Sisihan piawai = 0.49

n = 80

STS = Sangat tidak setuju,

TS = Tak setuju,

TP = Tak pasti, S = Setuju,

SB = Sangat bersetuju

SP = Sisihan piawai

(7) Program-program intervensi yang dijalankan oleh pihak sekolah bagi menangani masalah perlakuan buli

Secara keseluruhannya kajian ini mendapati bahawa keberkesanan program intervensi menangani masalah perlakuan buli di sekolah menengah daerah Batu Pahat berada pada tahap sederhana. Kajian Smith dan Ananiadou (2003) mendapati program intervensi berdasarkan sekolah mempunyai pelbagai kesan untuk mengurangkan tahap perlakuan buli di sekolah. Dalam kajian ini majoriti guru-guru berpendapat peraturan sekolah dan lembaga disiplin sekolah merupakan program intervensi yang paling berkesan bagi menangani masalah perlakuan buli di sekolah. Namun demikian beberapa program intervensi berdasarkan sekolah seperti melatih pelajar tentang teknik pengurusan menangani perasaan marah, dan teknik pengurusan resolusi konflik dirasakan kurang berkesan untuk mencegah dan menagani masalah perlakuan buli di sekolah. Hanya 48.8 peratus guru yang disoal menyatakan bahawa program melatih pelajar tentang teknik pengurusan menangani perasaan marah berkesan untuk menangani masalah perlakuan buli manakala 52.5 peratus lagi menyatakan teknik pengurusan resolusi konflik berkesan untuk mencegah dan menagani masalah perlakuan buli di sekolah. Dapatkan ini disokong dengan kajian Trump dan Kenneth (1999) yang mendapati pendekatan pencegahan dan intervensi yang dijalankan di



sekolah-sekolah seperti kurikulum pencegahan keganasan dan resolusi konflik adalah tidak mencukupi bagi menjamin keselamatan di sekolah.

Di samping itu penglibatan dan kerjasama pihak sekolah dengan pihak luar seperti Polis dapat membantu pihak sekolah mencegah dan menangani masalah perlakuan buli di sekolah. Dapatan kajian ini menunjukkan para guru (80.1 peratus) percaya bahawa program ‘Sekolah Angkat’ yang dilaksanakan dengan kerjasama pihak Polis dan pihak sekolah berkesan untuk mencegah dan menangani masalah perlakuan buli di sekolah. Sebagai pihak yang paling rapat dengan pihak sekolah penglibatan ibu bapa dalam program intervensi menangani masalah perlakuan buli juga amat penting. Seramai 53 orang guru (66.3 peratus) menyatakan bahawa penglibatan yang menyeluruh daripada pihak ibu bapa terhadap program-program sekolah juga dapat membantu pihak sekolah mencegah dan menagani masalah perlakuan buli di sekolah. Kenyataan ini disokong oleh kajian Banks dan Stephanie (2000), yang mendapati bahawa pihak sekolah berjaya membentuk persekitaran yang selamat dengan menyediakan program-program serta polisi-polisi yang positif melalui kerjasama yang erat antara komuniti sekolah, ibu bapa dan masyarakat.

Jadual 15 Persepsi guru tentang keberkesanan program intervensi menangani masalah buli di sekolah

Pernyataan	STB	TB	TP	B	SB	Min	SP
Implimentasi peraturan menggantung atau menyingkirkan pelajar dari persekolahan apabila mereka didapati bersalah melakukan tindakan ganas atau membuli	2 (2.5)	5 (6.3)	21 (26.3)	46 (57.5)	6 (7.5)	3.61	0.82
Melatih pelajar teknik pengurusan menangani perasaan marah	1 (1.3)	6 (7.5)	34 (42.5)	33 (41.3)	6 (7.5)	3.46	0.79
Melatih pelajar dalam pengurusan resolusi konflik dan perantaraan rakan sebaya	1 (1.3)	10 (12.5)	27 (33.8)	40 (50.0)	2 (2.5)	3.40	0.79
Melatih pelajar untuk menerima kepelbagaian bangsa dan budaya	1 (1.3)	5 (6.3)	20 (25.0)	44 (55.0)	10 (12.5)	3.71	0.81
Kewujudan polisi yang tidak bertoleransi dengan penyalahgunaan dadah, arak dan senjata di sekolah	2 (2.5)	6 (7.5)	25 (31.3)	39 (48.8)	8 (10.0)	3.56	0.87
Menyediakan kaunselor untuk membantu dan membimbing pelajar	3 (3.8)	9 (11.3)	14 (17.5)	49 (61.3)	5 (6.3)	3.55	0.51
Menyediakan mentor untuk guru-guru baru di sekolah	5 (6.3)	6 (7.5)	31 (38.8)	35 (43.8)	3 (3.8)	3.31	0.91

samb.

**Jadual 15** (samb.)

Pernyataan	STB	TB	TP	B	SB	Min	SP
Penglibatan menyeluruh ibu bapa terhadap program-program di sekolah	2 (2.5)	10 (12.5)	15 (18.8)	43 (53.8)	10 (12.5)	3.61	0.95
Kepelbagai aktiviti kokurikulum di sekolah	1 (1.3)	10 (12.5)	8 (10.0)	51 (63.8)	10 (12.5)	3.74	0.88
Rancangan Kesihatan Sekolah	1 (1.3)	9 (11.3)	18 (22.5)	43 (53.8)	9 (11.3)	3.63	0.88
Menyediakan latihan kemahiran bersosial kepada pelajar	1 (1.3)	8 (10.0)	24 (30.0)	38 (47.5)	9 (11.3)	3.58	0.87
Melatih pelajar dalam kemahiran kepimpinan	0 (0.00)	8 (10.0)	12 (15.0)	48 (60.0)	12 (15.0)	3.80	0.81
Lembaga Disiplin Sekolah	0 (0.00)	4 (5.0)	6 (7.5)	55 (68.8)	15 (18.8)	4.01	0.68
Peraturan sekolah	1 (1.3)	4 (5.0)	8 (10.0)	51 (63.8)	16 (20.0)	3.96	0.79
Penyeliaan guru di tempat menunggu bas atau di luar pagar sekolah semasa pelajar hendak pulang dari sekolah	4 (5.0)	7 (8.8)	19 (23.8)	42 (52.5)	8 (10.0)	3.54	0.97
Program ‘Sekolah Angkat’ melalui kerjasama pihak Polis dan pihak sekolah	2 (2.5)	1 (1.3)	13 (16.3)	51 (63.8)	13 (16.3)	3.90	0.77

* Min skor keseluruhan = 3.65 Sisihan piawai = 0.55

STB = Sangat tidak berkesan, TB = Tak berkesan, TP = Tak pasti, B = Berkesan,
SB = Sangat berkesan, SP = Sisihan piawai

11.0 CADANGAN UNTUK KAJIAN AKAN DATANG

Dapatan kajian ini mengesahkan dapatan kajian terdahulu dan beberapa andaian awal terhadap persepsi pelajar dan persepsi guru tentang perlakuan buli di sekolah menengah. Walau bagaimanapun terdapat dapatan yang memerlukan kajian lanjutan untuk mengesahkan dan mencari faktor-faktor lain yang mempengaruhinya. Antara kajian lanjutan yang dirasakan wajar dilakukan adalah seperti berikut;

- (1) Kajian yang dijalankan ini meneroka persepsi guru dan pelajar tentang perlakuan buli di lapan buah sekolah menengah daerah Batu Pahat. Kajian lanjutan hendaklah dilakukan terhadap semua sekolah di daerah batu Pahat (25 buah sekolah) untuk mendapatkan maklumat seterusnya mengesahkan dapatan kajian. Responden kajian di setiap sekolah pula sebaik-baiknya mewakili 50 peratus daripada populasi responden kajian.



- (2) Kajian terhadap persepsi pelajar dan guru terhadap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Batu Pahat ini menggunakan kaedah kuantitatif. Adalah lebih bermakna sekiranya kajian lanjutan dapat menggabungkan kaedah kualitatif bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam tentang persepsi guru dan pelajar terhadap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah yang mana tidak dapat dicakupi dalam kajian terdahulu.
- (3) Kajian yang dijalankan ini hanya membandingkan persepsi guru dengan pelajar. Adalah menjadi lebih bermakna lagi sekiranya kajian akan datang dapat dilakukan terhadap para ibu bapa. Dapatan kajian tersebut dapat digunakan untuk membanding dan meneroka persepsi ibu bapa tentang perlakuan buli di kalangan pelajar. Ini dapat menyediakan kepada kita pemahaman yang lebih tentang bagaimana pandangan ibu bapa terhadap pengalaman anak-anak mereka menghadapi perlakuan buli di sekolah.
- (4) Kajian yang dijalankan ini tidak meneroka persepsi mangsa buli di sekolah menengah secara mendalam. Adalah sangat bermakna sekiranya kajian lanjutan dapat dilakukan bagi meneroka persepsi mangsa buli serta kesan perlakuan tersebut terhadap jasmani dan emosi mereka.
- (5) Dapatan kajian ini menunjukkan pihak sekolah terutama sekali kaunselor merupakan antara pihak yang paling kurang dirujuk oleh para pelajar berkenaan masalah perlakuan buli di sekolah. Oleh yang demikian kajian lanjutan boleh dilakukan bagi mengenal pasti punca tersebut.

RUJUKAN

- Borg, M. G. 1998. The Emotional Reactions of School Bullies and Their Victims. *Educational Psychology*. 18: 433-444.
- Borg, M. G. 1999. The Extent and Nature of Bullying Among Primary and Secondary School Children. *Educational Research*. 41:137-153.
- Boulton M. J., M. Trueman, dan I. Flemington. 2002. Associations between Secondary School Pupils' Definitions of Bullying, Attitudes towards Bullying, and Tendencies to Engage in Bullying: Age and Sex Differences. *Educational Studies*. 28(4): 353-370
- Charach, A., D.J. Pepler, dan S. Ziegler. 1995. Bullying at School: A Canadian Perspective. *Education Canada*. 3: 12-18.
- Crozier W. R., dan E. Skliopidou. 2002. Adult Recollections of Name-calling at School. *Educational Psychology*. 22(1), 13-124
- Dawkins J. 1995. Bullying in Schools: Doctors' Responsibilities. *British Medical Journal*. 310:274-5.
- Division of Adolescent and School Health (DASH). 1993. Center for Chronic Disease Prevention and Health Promotion. *New York City Youth Violence Survey*. Atlanta, GA: Centers for Disease Control and Prevention.
- Douglas N., I. Warwick, G. Whitty, P. Aggleton, dan S. Kemp. 1999. Homophobic Bullying in Secondary Schools in England and Wales - Teachers' Experiences. *Health Education*. 99(2):53-60
- Greenbaum, S., B. Turner, dan R. M. Stephens. 1989. *Set Straight on Bullies*. Malibu, CA.: National School Safety Center.
- Gumpel, T. P., dan H. Meadan. 2000. Children's Perception of School-Based Violence. *British Journal of Educational Psychology*. 70: 391-404.



- Haynie, D. L., T. R. Nansel, P. Eitel, A. D. Crump, K. Saylor, K. Yu, dan B. Simons Morton. 2001. Bullies, Victims, and Bully/Victims: Distinct Groups of At-Risk Youth. *Journal of Early Adolescence*. 21(1): 29-49.
- Hazler R. J., D. L Miller, J. V. Carney, dan S. Green. 2001. Adult Recognition of School Bullying Situations. *Educational Research*. 43(2):133-146
- Henson, K., O. Massey, dan K. Armstrong. 2002. *Student Perceptions of School Safety: Results of the 2001 Omnibus Survey*. Tampa, FL.
- Massey, O. T., K. Armstrong, dan G. Santoro. 2000. *School Safety Survey*. Tampa, FL: The Louis de la Parte Florida Mental Health Institute, University of South Florida. FMHI Publication.
- Nansel, T. R., M. Overpeck, R. S. Pilla, W. J. Ruan, B. Simons-Morton, dan P. Scheidt. 2001. Bullying Behaviors among US Youth: Prevalence and Association with Psychosocial Adjustment. *Journal of the American Medical Association*. 285: 2094-2100.
- Olweus, D., dan S. Limber. 1999. Bullying Prevention Program. In D. S. Elliot (Ed.). *Blueprints for Violence Prevention*. Denver, CO: C&M Press.
- Orpinas, P., dan S. Kelder. 1995. Students for Peace Project. Second Student Evaluation. Houston, TX: University of Texas Health Science Center at Houston, School of Public Health.
- Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat. 2004. *Senarai Sekolah dan Pelajar Sekolah Menengah Daerah Batu Pahat*. Batu Pahat:
- Perry, D. G., J. Williard, dan L. C. Perry. 1990. Peers' Perceptions of the Consequences that Victimized Children Provide Aggressors. *Child Development*. 61: 1310-1325.
- Rigby, K., dan P. T. Slee. 1995. *Manual For The Peer Relations Questionnaire*. Underdale: University of South Australia.
- Roslan Hj Atan. 2004. Hubung Kait Bentuk Komunikasi dan Tingkah Laku Kepimpinan Pengetua Dengan Tahap Kepuasan Kerja Guru-Guru Sekolah Menengah Daerah Muar Dari Persepsi Guru. Tesis Ijazah Sarjana Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Salmivalli, C. 2001. Peer-Led Intervention Campaign Against School Bullying: Who Considered it Useful, Who Benefited? *Educational Research*. 43: 263-278.
- Smith P. K., dan K. Ananiadou. 2003. The Nature of School Bullying and the Effectiveness of School-Based Interventions. *Journal of Applied Psychoanalytic Studies*. 5(2): 189-209
- Smith, P., dan S. Sharp. 1994. The Problem of School Bullying. In P.K. Smith & S. Sharp (Eds.) *School Bullying Insights and Perspectives*. London: Routledge.
- Trump, dan S. Kenneth. 1999. Scared or Prepared: Reducing Risks with School Security Assessments. *High School Magazine*. 6(7): 18-23
- Wilson, A. 1992. Preventing and Responding to Bullying in School. *The Canadian School Executive*. 5:9-12.
- Ziegler, S., dan M. Rosenstein-Manner. 1991. *Bullying at School: Toronto in an International Context*. Toronto: Toronto Board of Education, Research Services.